

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM
[TAMPIN]**

SOALAN

Minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah Kementerian mempunyai cadangan dalam aspek pencegahan pencemaran sungai, kaedah rawatan dan program- program dalam memastikan sungai-sungai di Kuala Lumpur bersih dan tidak tercemar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Tampin, Kerajaan senantiasanya mempergiatkan usaha dalam memastikan sungai-sungai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) kekal bersih dan tidak tercemar. Antara usaha yang paling besar ialah melalui Projek *River of Life* (RoL) yang sedang dibangunkan sejak tahun 2011.

Projek RoL merangkumi semua 8 batang sungai di Kuala Lumpur iaitu Sungai Keroh, Sungai Jinjang, Sungai Batu, Sungai Gombak, Sungai Bunus, Sungai Ampang, Sungai Kerayong dan Sungai Klang yang melibatkan jajaran sepanjang 110km.

Kerajaan melalui Projek RoL telah membangunkan serta menaik taraf sistem pembersihan di sepanjang sungai terutamanya di 10.7km Sungai Klang dan Sungai Gombak sekitar Kuala Lumpur. Sasaran utama projek ini ialah meningkatkan kualiti air daripada Kelas IV pada tahun 2011 ke Kelas II di masa hadapan.

Kaedah rawatan sungai terlibat adalah melalui 13 Inisiatif Utama yang dibentuk untuk mencegah serta mengawal pencemaran sungai melibatkan projek fizikal dan bukan fizikal. Antara projek fizikal ialah Pembinaan Loji Rawatan Kumbahan Serantau, Menaiktaraf Paip Pembetulan, Pemasangan *Communal Grease Trap* (CGT) digerai-gerai makanan, Pemasangan *Waste Water Treatment Plant* (WWTP) di pasar-pasar basah dan sebagainya. Manakala projek bukan fizikal pula melibatkan Kajian Punca Pencemaran Sungai, keberkesanan sistem sedia ada termasuk yang bakal dibangunkan, program kesedaran masyarakat, penguatkuasaan yang berkesan dan semakan perundangan sedia ada yang terlibat.

Bagi memastikan objektif Projek RoL berjaya dilaksanakan, usaha sama bersama semua agensi terlibat melalui Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) senantiasa dilaksanakan dari masa ke semasa.

Kerajaan juga sedar bahawa pembangunan fizikal perlu digembleng bersama kesedaran masyarakat setempat. Sehubungan itu, program kesedaran masyarakat telah diberi penekanan yang serius melalui *Public Outreach Programme* (POP).

Tuan Yang Di Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Dalam aspek pencemaran dan kualiti air didalam sungai pula, Jabatan Kesihatan Dan Alam Sekitar (JKAS), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) adalah dipertanggungjawabkan untuk memantau pencemaran dan kualiti air sungai-sungai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL).

Jabatan Kejuruteraan Awam Dan Saliran (JKAWS) melalui Unit Pengurusan Sungai adalah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan di 29 buah rezab-rezab sungai dan kolam takungan banjir (sungai- sungai Besar, Utama dan Kecil) yang mengalir di dalam.

Kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan sungai serta Kolam Takungan Banjir yang merangkumi kerja-kerja seperti berikut :-

- 1) Perangkap Kelodak (*Silt Trap*);
- 2) Perangkap Sampah Terapong (*Floating Boom*);
- 3) Skrin Statik (*Static Screen*);
- 4) '*Gross Pollutant Traps*' (*GPT*);
- 5) Kebuk Sampah;
- 6) Pembersihan Semak Samun;
- 7) Pembaikan Tebing Runtuh;
- 8) Pembinaan Pam;
- 9) Memungut sampah di sepanjang tebing sungai (*Mopping Up*); dan
- 10) Pengorekan kelodak / bahan-bahan batuan.

Di samping itu, JKAWAS telah membina '*Waste Water Treatment Plant*' (WWTP) di pasar-pasar awam Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) untuk membersihkan air dan menjaga kualiti air sebelum masuk ke dalam longkang utama dan seterusnya ke sungai. Terdapat 6 buah WWTP yang telah di bina oleh JKAWAS iaitu:-

- 1) Di pasar Jalan Kelang Lama;
- 2) Di pasar Air Panas;
- 3) Di pasar Sentul;
- 4) Di pasar Jinjang Utara;
- 5) Di Pasar Borong Kuala Lumpur; dan
- 6) Di pasar Batu Lima.

Selain daripada itu, Program-program oleh Local Agenda 21 (LA21) kerjasama DBKL dengan '*Stakeholders*' seperti '*NGO-NGO*', sekolah dan sebagainya seperti:-

- 1) Mengadakan Pameran Pameran '*ROL*';
- 2) Ekspedisi Sungai;
- 3) Sungai angkat oleh komuniti setempat;
- 4) Ceramah "*Integrated Water Resources*" di sekolah sekolah; dan
- 5) Kerjasama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) untuk program '*Public Outreach Programme*' (POP) oleh Konsultant yang dilantik oleh JPS.

Sekian, terima kasih.